

# JAKMAS AB Anjur Festival Kesenian Islam Kali ke-13 UMS

Oleh : Norfarisha Hassan

JUMAAT, 26 APRIL- Perasmian Festival Kesenian Islam Universiti Malaysia Sabah (UMS) kali ini telah dilancarkan di Dewan Kolej Kediaman Cemerlang Dinamik (CD) yang bertemakan “Beraksi Bersama Islam” yang di anjurkan oleh exco kerohanian dan keharmonian jawatankuasa kebajikan mahasiswa (JAKMAS) Anugerah Bestari (AB).

Festival Kesenian Islam (FKI) dirasmikan oleh Ketua Unit Bahagian Hal Ehwal Islam Tabung Haji Kota Kinabalu, Sabah, Dr. Muhamad Suhaimi Taat.

Beliau yang juga merupakan tetamu kehormat bagi majlis tersebut mengucapkan syabas dan tahniah kepada tenaga kerja yang menjayakan majlis sebesar

ini. Menurutnya, pihak penganjur akan mengadakan majlis selama tiga hari berturut-turut sepanjang festival itu.

Antara pengisian atau program yang telah disediakan oleh pihak penganjur adalah, Muslimat Power, Persahabatan Futsal, Pencarian Bakat Islami, Forum Dialog Cinta, Kolokium Ummah Bestari dan Konsert Amal Jalinan Ukhwah FKI'13 yang sekaligus merupakan acara kemuncak bagi festival tersebut.

Dr. Suhaimi juga menyeru kepada mahasiswa dan mahasiswi UMS agar tidak melepaskan peluang untuk melibatkan diri dalam program tersebut.

Beliau turut menyifatkan program sebegini sebagai medium yang boleh dijadikan sebagai platform untuk memantapkan lagi kemahiran insaniah yang ada dalam diri siswa dan siswi UMS. Menurutnya lagi, keadaan ini juga dapat menjadi bonus kepada mereka selepas bergraduasi kelak.

Beliau juga mengharapkan agar aktiviti yang diadakan ini dapat meningkatkan penghayatan masyarakat di sekitar Kota Kinabalu khususnya siswa dan siswi UMS.

Perasmian ini turut dihadiri oleh para tetamu kehormat seperti Dr. Fauziah Sulaiman, Pengetua Kolej Kediaman USIA-1B, dan juga Encik Talib Bin Abdullah Shani selaku Pengetua Kolej Kediaman Anugerah Bestari (AB) UMS.